



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.  
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 24 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>GISBH: 55 Kanak-Kanak Diserah Kepada Ahli Keluarga Terdekat – Nancy</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/gisbh-55-kanak-kanak-diserah-kepada-ahli-keluarga-terdekat-nancy/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/gisbh-55-kanak-kanak-diserah-kepada-ahli-keluarga-terdekat-nancy/#google_vignette</a>  <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/24/55-children-returned-to-guardians-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/24/55-children-returned-to-guardians-says-nancy</a>  <a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2355371">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2355371</a>  <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/23/nancy-55-children-rescued-from-gisbh-returned-to-guardians-by-court-order/154593">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/10/23/nancy-55-children-rescued-from-gisbh-returned-to-guardians-by-court-order/154593</a>  <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/23/55-gisbh-children-returned-to-guardians/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/23/55-gisbh-children-returned-to-guardians/</a>  <a href="https://international.astroawani.com/malaysia-news/op-global-55-children-returned-qualified-guardians---nancy-493099">https://international.astroawani.com/malaysia-news/op-global-55-children-returned-qualified-guardians---nancy-493099</a>  <a href="https://thesun.my/malaysia-news/op-global-55-children-returned-to-qualified-guardians-nancy-KL13185917">https://thesun.my/malaysia-news/op-global-55-children-returned-to-qualified-guardians-nancy-KL13185917</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/692655/berita/nasion/op-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-keluarga-terdekat">https://www.sinarharian.com.my/article/692655/berita/nasion/op-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-keluarga-terdekat</a>	Kosmo  The Star  Bernama  Malay Mail  FMT  Astro Awani  The Sun  Sinar Harian	Neutral

<p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=WnEDtXKZKt0">https://www.youtube.com/watch?v=WnEDtXKZKt0</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2355392">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2355392</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2024/10/gisbh-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-ahli-keluarga-terdekat-ikut-prosedur-mahkamah/">https://www.utusan.com.my/terkini/2024/10/gisbh-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-ahli-keluarga-terdekat-ikut-prosedur-mahkamah/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/723690">https://www.malaysiakini.com/news/723690</a></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1124152/court-order-needed-release-gisb-children-guardians">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1124152/court-order-needed-release-gisb-children-guardians</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314897/55-kanak-kanak-diselamatkan-ops-global-sudah-diserahkan-kepada-ahli">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314897/55-kanak-kanak-diselamatkan-ops-global-sudah-diserahkan-kepada-ahli</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147534/ops-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-ahli-keluarga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147534/ops-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-ahli-keluarga</a></p> <p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/videos/gisb-case-55-children-returned-to-verified-guardians-says-nancy/vi-AA1sMrSk">https://www.msn.com/en-my/news/videos/gisb-case-55-children-returned-to-verified-guardians-says-nancy/vi-AA1sMrSk</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/op-global-55-kanak-kanak-yang-diselamatkan-diserahkan-kepada-ahli-keluarga/">https://www.buletintv3.my/nasional/op-global-55-kanak-kanak-yang-diselamatkan-diserahkan-kepada-ahli-keluarga/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/23/jkm-serah-55-budak-terkait-gisbh-kepada-waris-terdekat-kata-menteri/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/23/jkm-serah-55-budak-terkait-gisbh-kepada-waris-terdekat-kata-menteri/</a></p> <p><a href="https://malaysiapost.com.my/2024/10/23/ops-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-ahli-keluarga/">https://malaysiapost.com.my/2024/10/23/ops-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-ahli-keluarga/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=lchqJl1VR28">https://www.youtube.com/watch?v=lchqJl1VR28</a></p> <p><a href="https://www.wilayahku.com.my/isu-gisbh-kanak-kanak-dijaga-selamat/#google_vignette">https://www.wilayahku.com.my/isu-gisbh-kanak-kanak-dijaga-selamat/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://harapandaily.com/2024/10/23/hampir-10-kanak-kanak-yang-diselamatkan-daripada-gisbh-telahpun-dikembalikan/">https://harapandaily.com/2024/10/23/hampir-10-kanak-kanak-yang-diselamatkan-daripada-gisbh-telahpun-dikembalikan/</a></p>	<p>The Star</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>NST</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>MSN</p> <p>Buletin TV3</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Wilayah Ku</p> <p>Harapan Daily</p>	
---	---	--

	<p><a href="https://suarasarawak.my/op-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-keluarga-terdekat/">https://suarasarawak.my/op-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-keluarga-terdekat/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=rajCLIKsOaM">https://www.youtube.com/watch?v=rajCLIKsOaM</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/op-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-keluarga-terdekat-x97w4f0">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/op-global-55-kanak-kanak-diserahkan-kepada-keluarga-terdekat-x97w4f0</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=gKeyBXzyIDQ">https://www.youtube.com/watch?v=gKeyBXzyIDQ</a></p>	<p>Suara Sarawak</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	
2.	<p><b>Negara Tua: Penyelidikan Dari Institusi Dan Pakar Bantu Persediaan Holistik – Nancy</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/negara-tua-penyelidikan-dari-institusi-dan-pakar-bantu-persediaan-holistik---nancy-493098">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/negara-tua-penyelidikan-dari-institusi-dan-pakar-bantu-persediaan-holistik---nancy-493098</a></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1124191/nancy-activity-hubs-seniors-may-keep-dementia-bay">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1124191/nancy-activity-hubs-seniors-may-keep-dementia-bay</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>NST</p>	Neutral
3.	<p><b>Polis Siasat Pihak 'Intai' Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Diselamatkan Dari GISBH</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/23/polis-siasat-pihak-intai-rumah-perlindungan-kanak-kanak-diselamatkan-dari-gisbh/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/10/23/polis-siasat-pihak-intai-rumah-perlindungan-kanak-kanak-diselamatkan-dari-gisbh/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpn-siasat-pihak-dedah-keberadaan-kanak-kanak-gisbh">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpn-siasat-pihak-dedah-keberadaan-kanak-kanak-gisbh</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-pihak-intai-rumah-perlindungan-kanak-kanak-dikaitkan-gisbh/">https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-pihak-intai-rumah-perlindungan-kanak-kanak-dikaitkan-gisbh/</a></p> <p><a href="https://www.wilayahku.com.my/polis-siasat-pihak-cuba-intai-keberadaan-kanak-kanak-dikaitkan-gisbh/">https://www.wilayahku.com.my/polis-siasat-pihak-cuba-intai-keberadaan-kanak-kanak-dikaitkan-gisbh/</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/polis-sedia-siasat-pengintip-rumah-perlindungan-kanak-kanak-gisbh/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/polis-sedia-siasat-pengintip-rumah-perlindungan-kanak-kanak-gisbh/#google_vignette</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Wilayah Ku</p> <p>Kosmo</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/polis-sedia-siasat-pihak-intip-rumah-perlindungan-kanak-kanak-gisbh/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/polis-sedia-siasat-pihak-intip-rumah-perlindungan-kanak-kanak-gisbh/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147500/polis-siasat-pihak-cuba-intai-keberadaan-kanak-kanak-dikaitkan-gisbh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147500/polis-siasat-pihak-cuba-intai-keberadaan-kanak-kanak-dikaitkan-gisbh</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpn-siasat-pihak-dedah-keberadaan-kanak-kanak-gisbh">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpn-siasat-pihak-dedah-keberadaan-kanak-kanak-gisbh</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=DQoMW8sNOzI">https://www.youtube.com/watch?v=DQoMW8sNOzI</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=3LLx5WkIDOI">https://www.youtube.com/watch?v=3LLx5WkIDOI</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=C548eFCS9ws">https://www.youtube.com/watch?v=C548eFCS9ws</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Bernamea TV</p> <p>Malaysia Gazette TV</p> <p>Buletin TV9</p>	
4.	<p><b>Yuran Pusat Jagaan Kanak-Kanak Harian Naik Tahun Depan - Simon Ng</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/692623/berita/nasional/yuran-pusat-jagaan-kanak-kanak-harian-naik-tahun-depan---simon-ng">https://www.sinarharian.com.my/article/692623/berita/nasional/yuran-pusat-jagaan-kanak-kanak-harian-naik-tahun-depan---simon-ng</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
5.	<p><b>Lelaki Cuba Culik Kanak-Kanak Dua Tahun</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1314570/kwap-rangka-pelan-menyeluruh-tingkat-kualiti-hidup-pesara-warga">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1314570/kwap-rangka-pelan-menyeluruh-tingkat-kualiti-hidup-pesara-warga</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-warga-asing-diberkas-culik-kanak-kanak-493015">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-warga-asing-diberkas-culik-kanak-kanak-493015</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/23/lelaki-nepal-diikat-selepas-cuba-culik-kanak-kanak-dua-tahun/">https://malaysiagazette.com/2024/10/23/lelaki-nepal-diikat-selepas-cuba-culik-kanak-kanak-dua-tahun/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1314743/penduduk-gagalkan-cubaan-lelaki-nepal-culik-kanak-kanak-dua-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1314743/penduduk-gagalkan-cubaan-lelaki-nepal-culik-kanak-kanak-dua-tahun</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=ToDfOfBRQd0">https://www.youtube.com/watch?v=ToDfOfBRQd0</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=ZIZhw7Wle-A">https://www.youtube.com/watch?v=ZIZhw7Wle-A</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/23/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-nyaris-diculik-warga-asing">https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/23/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-nyaris-diculik-warga-asing</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/23/polis-tahan-warga-asing-disyaki-cuba-culik-kanak-kanak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/23/polis-tahan-warga-asing-disyaki-cuba-culik-kanak-kanak/</a></p> <p><a href="https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-nyaris-diculik-warga-asing/">https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-lelaki-dua-tahun-nyaris-diculik-warga-asing/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1314880/wanita-sempat-tarik-selamatkan-anak-saudara-daripada-diculik">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1314880/wanita-sempat-tarik-selamatkan-anak-saudara-daripada-diculik</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/692660/berita/semasa/wanita-kongsi-detik-cemas-selamatkan-anak-saudara-hampir-diculik">https://www.sinarharian.com.my/article/692660/berita/semasa/wanita-kongsi-detik-cemas-selamatkan-anak-saudara-hampir-diculik</a></p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>FMT</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p>	
6.	<p><b>Wanita Hilangkan Diri, Motosikal Ditemui Di Stesen Kereta Api</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/wanita-hilangkan-diri-motosikal-ditemui-di-stesen-kereta-api/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/wanita-hilangkan-diri-motosikal-ditemui-di-stesen-kereta-api/#google_vignette</a></p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
7.	<p><b>Tujuh Wanita Vietnam Dipaksa Jadi Pekerja Seks</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/23/tujuh-wanita-vietnam-dipaksa-jadi-pekerja-seks/">https://malaysiagazette.com/2024/10/23/tujuh-wanita-vietnam-dipaksa-jadi-pekerja-seks/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/692672/berita/semasa/tujuh-wanita-mangsa-eksploitasi-seks-kapten-bangladesh-diselamatkan">https://www.sinarharian.com.my/article/692672/berita/semasa/tujuh-wanita-mangsa-eksploitasi-seks-kapten-bangladesh-diselamatkan</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/tujuh-wanita-vietnam-dipukul-dipaksa-jadi-pekerja-seks-diselamatkan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/tujuh-wanita-vietnam-dipukul-dipaksa-jadi-pekerja-seks-diselamatkan/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tujuh-wanita-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan-x97wzek">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/tujuh-wanita-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan-x97wzek</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147661/mimpi-nger-wanita-vietnam-dipaksa-melacur-dipukul-dikurung">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1147661/mimpi-nger-wanita-vietnam-dipaksa-melacur-dipukul-dikurung</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/23/belasah-jika-tolak-melacur-imigresen-selamat-7-wanita-vietnam/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/23/belasah-jika-tolak-melacur-imigresen-selamat-7-wanita-vietnam/</a>	FMT	
<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tujuh-warga-vietnam-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan-493140">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tujuh-warga-vietnam-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan-493140</a>	Astro Awani	
<a href="https://www.edisi9.com.my/2024/10/tujuh-wanita-vietnam-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan/">https://www.edisi9.com.my/2024/10/tujuh-wanita-vietnam-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan/</a>	Edisi 9	
<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/gelora-nafsu-kapten-bangladesh/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/23/gelora-nafsu-kapten-bangladesh/</a>	Kosmo	
<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/7-warga-vietnam-disyaki-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan/">https://www.buletintv3.my/nasional/7-warga-vietnam-disyaki-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan/</a>	Buletin TV3	
<a href="https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2355529">https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2355529</a>	Bernamea	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M

## GISBH: 55 KANAK-KANAK DISERAH KEPADA AHLI KELUARGA TERDEKAT – NANCY

PUTRAJAYA – Seramai 55 kanak-kanak yang diselamatkan menerusi Op Global membabitkan GISB Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) telah diserahkan kepada ahli keluarga terdekat, setakat hari ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, proses penyerahan kanak-kanak tersebut dibuat mengikut perintah dikeluarkan mahkamah iaitu kepada ahli keluarga yang sesuai dan layak.

Menurutnya, 55 kanak-kanak yang diserahkan di bawah Akta Kanak-Kanak itu adalah merupakan sebahagian daripada 560 kanak-kanak yang ditempatkan di pusat perlindungan.

“Sekali lagi kita perlu lakukan berdasarkan perintah mahkamah (kerana) kita ambil anak itu pun melalui prosedur mahkamah. Mahkamah perlu beri kebenaran untuk kita lindungi, selepas itu untuk mengeluarkannya juga kena mohon dengan mahkamah,” katanya.

Nancy berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan National Conference on Ageing 2024 (NCA2024) anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) dengan kerjasama Dana Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), di sini hari ini.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai pasangan suami isteri dipercayai sukarelawan di rumah amal kendalian GISBH yang merayu empat anak mereka dikembalikan, Nancy menjelaskan, kes tersebut telah selesai dan kanak-kanak terlibat diserahkan kepada ahli keluarga pasangan berkenaan.

Pada 13 Oktober lalu, media melaporkan suami isteri yang juga sukarelawan rumah amal kendalian GISBH yang diserbu pihak berkuasa dekat Sepang, merayu empat anak mereka yang masih dalam jagaan JKM dikembalikan segera. – KOSMO! ONLINE

## **NEGARA TUA: PENYELIDIKAN DARI INSTITUSI DAN PAKAR BANTU PERSEDIAAN HOLISTIK – NANCY**



*Nancy merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Penuaan 2024 (NCA2024) anjuran UPM menerusi Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing®). - Foto Astro AWANI*

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat berbesar hati melihat kemajuan penyelidikan dalam bidang gerontologi, terutamanya dari segi usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesihatan warga emas.  
Ringkasan AI

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melihat kemajuan dalam penyelidikan gerontologi, terutama dalam usaha meningkatkan kualiti hidup warga emas, dengan sokongan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penyelidikan mengambil kira elemen budaya, sosio-ekonomi, dan nilai kekeluargaan untuk pendekatan holistik yang sesuai dengan keperluan warga emas.

Kerajaan mengajak sektor awam dan swasta untuk bekerjasama dalam mewujudkan persekitaran kondusif ke arah penuaan mampan di Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penyelidikan yang dilakukan oleh ahli akademik dan pakar, khususnya oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), telah membantu pihaknya untuk memahami kelompok demografi ini dengan lebih berkesan.

Jelasnya, kajian yang dilakukan mengambil kira elemen budaya, sosio-ekonomi dan nilai kekeluargaan, sekali gus membawa pendekatan holistik yang lebih sesuai dengan keperluan warga emas.

“Kita tidak mahu membiarkan masyarakat kita menjadi orang yang tidak berupaya. Seseengah daripada mereka sudah berusia 70 dan 80 tapi masih aktif.

“Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Putrajaya adalah antara model pusat untuk warga emas. Ada dalam kalangan mereka mengusahakan perniagaan seperti makanan sejuk beku.

“Kita gembira dengan perkembangan ini bukan kerana mereka dapat menjana pendapatan tetapi mereka dapat berdikari,” katanya.

Justeru, beliau menjemput semua pihak, sektor awam dan swasta, untuk terus bekerjasama dalam memastikan persekitaran kondusif ke arah penuaan mampan di Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Mengenai Penuaan 2024 (NCA2024) anjuran UPM menerusi Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing®), pada Rabu.

Program dengan kerjasama Dana Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) yang bertemakan "Ageing with Dignity: The Importance of Strengthening Care and Support Systems for Older Persons Worldwide" itu menyasarkan untuk memupuk kerjasama serta meningkatkan kesejahteraan warga emas melalui usaha kolaboratif antara kerajaan, penyelidik dan pelbagai pemegang taruh.

## POLIS SIASAT PIHAK 'INTAI' RUMAH PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DISELAMATKAN DARI GISBH



Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain bercakap ketika ditemubual selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya. Foto SADIQ SANI, 23 OKTOBER 2024

KUALA LUMPUR – Pihak polis akan menyiasat pendedahan mengenai ada pihak yang 'mengintai' rumah perlindungan menempatkan kanak-kanak yang diselamatkan daripada Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) dalam Op Global.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, pihaknya akan mendapatkan maklumat terperinci kerana terdapat beberapa rumah perlindungan yang menempatkan kanak-kanak itu.

“Kami akan siasat kerana ada kanak-kanak yang ditempatkan di Negeri Sembilan, ada di Selangor,” katanya ketika ditemui media selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN), di Putrajaya, hari ini.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) , Datuk Seri Nancy Shukri mendedahkan ada pihak yang cuba 'mengintai' keberadaan kanak-kanak yang diselamatkan dari GISBH dalam Op Global lalu.

Bagaimanapun, Nancy berkata, pihaknya tidak pasti sama ada perbuatan itu dibuat oleh ibu bapa kanak-kanak itu atau sebaliknya.

Oleh itu, KPWKM telah memperketatkan kawalan keselamatan bagi melindungi kesemua kanak-kanak yang diselamatkan dari premis GISBH itu.

Sebelum ini, pihak polis dan pelbagai agensi telah melancarkan Op Global dan menyelamatkan ratusan kanak-kanak dan remaja berusia antara setahun hingga 17 tahun.

Kesemua mereka disyaki telah menjadi mangsa eksploitasi dan dibawa keluar dari 18 rumah amal milik GISBH di Selangor dan dua di Negeri Sembilan.

Serbuan yang dibuat itu juga mendedahkan berlaku kesalahan pengabaian serta penganiayaan terhadap kanak-kanak dan remaja yang menghuni rumah amal berkenaan. – MalaysiaGazette

## **YURAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK HARIAN NAIK TAHUN DEPAN - SIMON NG**

SHAH ALAM - Yuran pusat jagaan kanak-kanak harian di seluruh negara akan naik antara 15 hingga 30 peratus pada tahun hadapan susulan kenaikan kadar gaji minimum kepada RM1,700 sebulan.

Pengerusi Persatuan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Malaysia, Simon Ng berkata, pelarasan itu untuk membantu pengendali pusat jagaan kanak-kanak menghadapi tekanan peningkatan kos dan memastikan kanak-kanak terus menikmati perkhidmatan penjagaan yang berkualiti tinggi dan selamat.

"Sebagai sebahagian daripada industri perkhidmatan, penting kepada penjaga dan kakitangan pusat jagaan kanak-kanak untuk menerima pulangan gaji yang adil. Bagaimanapun, apabila tahap gaji meningkat, kos operasi industri penjagaan kanak-kanak sudah pasti akan meningkat dengan ketara.

"Bagi mengekalkan kualiti perkhidmatan di samping memastikan kebajikan penjaga dan kakitangan pusat jagaan kanak-kanak, pengendali pusat jagaan kanak-kanak akan menaikkan yuran sewajarnya, dengan kenaikan antara 15 hingga 30 peratus," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Dalam pembentangan Belanjawan 2025 pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, mengumumkan kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 sebulan kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa 1 Februari 2025.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kerajaan Madani sentiasa menitikberatkan soal pendapatan rakyat.

Simon menjelaskan, persatuannya menyokong penuh dasar berkenaan kerana ia pastinya akan memberi impak serta kesan peningkatan kualiti hidup pekerja dan seterusnya menggalakkan pembangunan ekonomi negara.

Namun, kata beliau, pada masa yang sama, persatuan menyedari cabaran pengoperasian yang dibawa oleh dasar tersebut terhadap industri penjagaan kanak-kanak.

Justeru, Simon menegaskan, persatuannya kini juga giat mengatur strategi komunikasi yang membina bersama pihak kerajaan.

"Kami berharap mendapat maklum balas daripada jabatan berkaitan dalam masa terdekat khususnya bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) serta Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Ini bagi mencari penyelesaian dalam proses pelaksanaan dasar, menyokong langkah-langkah dan memastikan peralihan yang lancar bagi industri jagaan harian dan mencapai pembangunan mampan industri pusat jagaan kanak-kanak di seluruh Malaysia.

## **LELAKI CUBA CULIK KANAK-KANAK DUA TAHUN**

PETALING JAYA: Polis menahan lelaki warga asing dipercayai terlibat dalam cubaan menculik seorang kanak-kanak berusia dua tahun di Kuang, Rawang dekat sini semalam.

Kejadian itu turut tular apabila beberapa video menunjukkan lelaki itu diikat serta ditahan orang awam berhampiran lokasi kejadian.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintenden Mohd. Hafiz Muhammad Nor berkata, pihaknya terkesan dengan dua video tular di Facebook menunjukkan seorang lelaki warga asing sedang disoal siasat selain satu lagi video menunjukkan lelaki itu dalam keadaan terbaring dengan tangan diikat.

Katanya, pihak polis menerima laporan daripada seorang wanita berusia 47 tahun menyatakan terdengar daripada jiran pengadu menjerit meminta tolong ada lelaki cuba menculik anaknya pada pukul 12.40 tengah hari, semalam.

“Pengadu telah pergi ke rumah jiran dan terlihat lelaki berkenaan melarikan diri.

“Susulan itu, pengadu bersama penduduk telah mengejar lelaki tersebut dan berjaya menahannya berhampiran kawasan pembuangan sampah, kira-kira 500 meter dari lokasi kejadian,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, berlaku pergelutan ketika cuba menahan suspek namun dia berjaya ditangkap dan diserahkan pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

Jelasnya, kejadian dipercayai berlaku di ruang tamu rumah mangsa yang didatangi suspek yang berseorangan dan memperkenalkan diri sebagai tukang cuci.

Jelas beliau, susulan itu, pihaknya telah membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 363 Kanun Keseksaan iaitu jenayah culik.

“Dengan hukuman penjara yang boleh menjangkau sehingga tujuh tahun dan boleh dikenakan denda dan Sekyen 511 Kanun Keseksaan dengan hukuman penjara 10 tahun dan denda.

“Pihak polis menasihatkan orang ramai agar tidak melakukan apa-apa perkara serta tindakan yang menyalahi undang-undang,” ujar beliau.

Tambahnya, sebarang maklumat berkenaan kejadian boleh hadir ke mana-mana balai polis berdekatan atau menghubungi pegawai penyiasat, Inspektor Mohamad Azammudin Mohd. Razib di talian 016-5661597.- UTUSAN